

04 JUN 1996

MALAYSIA DAN LAOS WUJUD SURUHANJAYA BERSAMA

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Laos hari ini menandatangani memorandum persefahaman untuk secara rasmi mewujudkan suruhanjaya bersama bagi meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi.

Ia ditandatangani Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Laos Somsavat Lengsavat yang kemudian mengetuai delegasi masing-masing pada mesyuarat pertama peringkat menteri suruhanjaya itu.

Para pegawai kanan kedua-dua negara telah bertemu semalam untuk menyediakan garispaduan mesyuarat itu.

Abdullah berkata hubungan dan pertukaran lawatan antara pemimpin dan pegawai kerajaan kedua-dua pihak terus meningkat.

Malaysia juga mengalu-alukan reformasi ekonomi dan dasar pintu terbuka Laos bagi mengubah ekonomi negara itu daripada dirancang pusat kepada yang berasaskan pasaran yang membawa hasil positif dan menarik pelabur asing.

Somsavat berharap mesyuarat itu akan terus meningkatkan kerjasama dan membantu Laos dalam persediaannya untuk menganggotai Asean tahun depan.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atasnya inisiatifnya untuk memajukan Lembah Mekong yang menguntungkan Laos.

-- BERNAMA

RAZ CTL AHH